

HUKUMAN ROTAN MENURUT PERSPEKTIF AGAMA ISLAM DAN UNDANG-UNDANG: SUATU KEWAJARAN DALAM KONTEKS PENDIDIKAN DI MALAYSIA

[CANING PUNISHMENT FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC RELIGION AND LAW: ITS APPROPRIATENESS WITHIN THE MALAYSIAN EDUCATIONAL CONTEXT]

HUSRIL MULA¹ & MOHD ISA HAMZAH

¹* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

Correspondent Email: husrilmula@gmail.com

Received: 24 January 2025

Accepted: 17 February 2026

Published: 05 March 2026

Abstrak: Hukuman rotan merupakan isu yang sering menjadi polemik dalam negara sehingga menjadi perbincangan diperingkat antarabangsa. Sebahagian negara-negara barat menolak dan meletakkan hukuman rotan sebagai suatu kesalahan di sisi undang-undang. Sebaliknya negara Malaysia menerima hukuman rotan dalam konteks pendidikan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kewajaran hukuman rotan dalam konteks pendidikan menurut perspektif Islam, aspek undang-undang dan dasar-dasar yang berkaitan dengannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti al-Quran, al-Hadis, artikel, jurnal, surat pekeliling dan bahan-bahan yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan hukuman rotan dalam Islam merupakan pilihan terakhir setelah kaedah pengajaran seperti nasihat, bimbingan, teguran dan didikan tidak berkesan. Justeru, hukuman rotan boleh dilakukan dengan syarat di mana hukuman itu tidak boleh mendatangkan kecederaan fizikal atau kecacatan, tidak mematahkan mana-mana anggota tubuh badan dan tidak meninggalkan kesan yang kekal serta mematuhi batasan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berlandaskan peruntukan undang-undang dalam negara. Kajian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada golongan pendidik, ibu bapa dan penggubal dasar mengenai amalan disiplin yang berkesan dan beretika menurut perspektif agama Islam, sekaligus menyumbang kepada pembentukan sistem pendidikan yang lebih manusiawi dan berlandaskan syariah Islamiyyah.

Kata Kunci: Hukuman rotan, pendidikan, agama Islam, undang-undang

Abstract: Caning punishment is an issue that is often a polemic in the country and has become a discussion at the international level. Some western countries reject and place caning as an offense under the law. On the other hand, Malaysia accepts caning in the context of education based on established guidelines. This study aims to analyze the appropriateness of caning in the context of education according to the Islamic perspective, legal aspects and policies related to it. This study uses a literature review approach, namely the analysis of documents such as the Quran, Hadith, articles, journals, circulars and related materials. The study findings show that caning in Islam is a last resort after teaching methods such as advice, guidance, reprimand and education are ineffective. Therefore, caning can be carried out on the condition that the punishment cannot cause physical injury or disability, does not break any body parts and does not leave permanent effects and complies with the limitations and guidelines set by the Ministry of Education Malaysia based on the provisions of the law in the country.

This study is hoped to provide a clearer understanding to educators, parents and policymakers regarding effective and ethical disciplinary practices according to the perspective of Islam, while also contributing to the formation of a more humane education system based on Islamic Sharia.

Keywords: Caning punishment, education, Islam, law

Cite This Article:

Husril Mula & Mohd Isa Hamzah. (2026). Hukuman Rotan Menurut Perspektif Agama Islam Dan Undang-Undang: Suatu Kewajaran Dalam Konteks Pendidikan Di Malaysia [Caning Punishment From The Perspective Of Islamic Religion And Law: Its Appropriateness Within The Malaysian Educational Context]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1): 150-160.

PENGENALAN

Pelaksanaan hukuman rotan dalam konteks pendidikan sering menjadi polemik dalam kalangan pendidik, ibu bapa dan masyarakat dalam sesebuah negara. Persoalan tentang sejauh mana hukuman rotan dibenarkan, keberkesanannya dan implikasinya terhadap perkembangan psikologi dan emosi pelajar sering kali menimbulkan perbincangan. Justeru, hukuman rotan tidak diamalkan ekoran segelintir pihak yang menganggapnya sudah tidak relevan untuk diaplikasikan sehingga hukuman rotan menjadi sepi dan sendu di sekolah.

Ekoran itu, Wan Nurhafa Wan Salam dan Abdul Mutalib Embong (2024) menyatakan banyak kes dan masalah moral berlaku seperti buli, merokok, melawan guru, vandalisme dan pelbagai variasi masalah disiplin yang melibatkan pelajar di sekolah. Natijahnya, isu salah laku disiplin dan keruntuhan moral pelajar di sekolah bercanggah dengan hasrat murni kerajaan yang mahu melihat pendidikan di Malaysia sebagai alat bagi memperkembangkan potensi individu secara holistik dan bersepadu. Dengan itu, hukuman rotan perlu dikembalikan kerana ia merupakan cara yang efektif untuk membentuk disiplin pelajar.

Hukuman dalam konteks pendidikan mempunyai tujuan yang tersendiri. Menurut Mohd Rafi Mohd Sanusi dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2021), mencegah seseorang melakukan kesalahan adalah tujuan hukuman itu ditetapkan. Selain itu, hukuman juga dapat menimbulkan kegerunan kepada orang lain sehingga mereka berusaha untuk menghindari daripada melakukan kesalahan tertentu. Pengajaran sesuatu hukuman ialah mendidik dan mewujudkan kesedaran setiap individu.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam konsep hukuman rotan dalam konteks pendidikan menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah serta undang-undang. Penelitian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang jelas dan tuntas, sekaligus memberi panduan kepada warga pendidik, ibu bapa dan pihak berwajib dalam merangka polisi pendidikan selaras dengan ajaran Islam dan peruntukan undang-undang dalam negara. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan konsep hukuman dalam konteks pendidikan berdasarkan perspektif agama Islam dan undang-undang kerajaan Malaysia serta menghuraikan kewajaran dan kepentingan hukuman rotan dalam konteks pendidikan.

KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dilakukan oleh Nur 'Izzati Ahmad Fisol dan Mohd Al Adib Samuri (2020) bertujuan untuk mengenal pasti undang-undang atau peraturan yang diguna pakai oleh sekolah tahfiz di Malaysia dalam mendidik dan mendisiplinkan para pelajar dengan menggunakan hukuman rotan. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat undang-undang yang khusus terhadap sekolah Tahfiz di Malaysia dan penggunaan rotan hanya sebagai simbol pendisiplinan pelajar. Penelitian diteruskan dengan kajian Siti Amalina et al. (2021) yang membincangkan aplikasi sunnah terhadap garis panduan hukuman rotan di sekolah. Hasil kajian ini mendapati pelaksanaan rotan yang digariskan oleh KPM adalah satu pendekatan pendidikan dalam mengawal dan memulih masalah disiplin pelajar di samping garis panduan sedia ada perlu sentiasa dikemaskini agar prinsip syariah bersumberkan sunnah Rasulullah saw dapat dicapai.

Kajian Nurul Zahida Anuar et al. (2022) pula mengkaji keperluan dan kerasionalan di sebalik hukuman fizikal yang dilakukan di rumah atau di sekolah. Hasil kajian ini mendapati hukuman fizikal relevan dilakukan kepada pelajar dan anak yang bermasalah yang dihukum dengan tujuan mendidik. Malah kajian ini turut menyatakan hukuman fizikal memberi impak positif dalam pembentukan akhlak dan sahsiah anak. Penelitian diteruskan dengan kajian Nadiyah Hashim et al. (2022) yang membincangkan hukuman rotan dalam Islam terhadap anak-anak yang meninggalkan solat dan hasil kajian ini mendapati hukuman rotan yang dilakukan oleh ibu bapa atau guru perlu mengambil kira adab, akhlak, hikmah dan takdib kerana tujuan memukul dalam Islam adalah untuk mendidik dan bukan mendera.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, beberapa kajian membincangkan hukuman rotan menurut aspek undang-undang, pengaplikasiannya dan keperluannya serta hukuman rotan terhadap anak yang meninggalkan solat secara khusus. Kajian-kajian lepas memusatkan perbincangan kepada isu yang spesifik sehingga terdapat jurang antara kajian-kajian lepas dengan kajian yang membincangkan secara bersepadu berhubung hukuman rotan menurut perspektif agama Islam dan undang-undang. Oleh itu, kajian ini signifikan untuk dilakukan bagi memenuhi jurang tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang bertujuan untuk menjelaskan fenomena yang dilalui oleh pengkaji sama ada langsung (lapangan) atau dari sumber bertulis (pustaka). Kajian kualitatif bermaksud kajian untuk memahami fenomena seperti tingkah laku, persepsi, motivasi dan lain-lain secara menyeluruh serta dijelaskan dalam bahasa berdasarkan suatu konteks khusus (Muhammad Rizal Aziz, 2023). Manakala menurut Marinu Waruwu (2024), kajian kualitatif merupakan penelitian yang menekankan pemahaman yang alami secara mendalam, diterjemahkan secara deskriptif serta diinterpretasikan secara komprehensif.

Pendekatan kajian ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan atau *library research*. Menurut Christ Hart (seperti yang dinyatakan dalam Marinu Waruwu, 2024), kajian kepustakaan adalah pemilihan dokumen berkaitan suatu tema atau tajuk yang mengandungi informasi-informasi berhubung sesuatu tajuk bagi memenuhi objektif kajian. Justeru, kajian ini mendapatkan data melalui buku, jurnal, artikel ilmiah dan surat pekeliling serta dokumen lain

yang bertujuan untuk meneroka, menganalisis, meneliti, memerhati dan merumuskan objektif kajian.

Rumusannya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh, menganalisis dan meneroka kewajaran hukuman rotan dalam konteks pendidikan menurut agama Islam dan dasar undang-undang yang berkaitan dengan pendekatan kajian kepustakaan yang memanfaatkan bahan bertulis yang telah wujud untuk memperolehi suatu pengetahuan baharu dan dhurai dengan baik dan mudah agar mampu menyumbang kepada dunia penyelidikan, khususnya dalam bidang pendidikan Islam.

DAPATAN KAJIAN

Konsep hukuman rotan dalam konteks pendidikan

Menurut pandangan Chia (seperti yang dinyatakan dalam Nur ‘Izzati dan Mohd Al Adib Samurim, 2020), hukuman rotan merujuk kepada hukuman atau denda yang dilaksanakan di sekolah-sekolah, iaitu menyebat mana-mana pelajar yang melanggar peraturan sekolah. Jika pernyataan ini dilihat secara objektif, hukuman rotan salah satu hukuman yang dikenakan kepada pelajar yang melanggar apa-apa peraturan yang telah ditetapkan di sekolah.

Sesuai dengan budaya dan latar belakang masyarakat di Malaysia, hukuman rotan bukanlah satu hukuman yang asing dan pelik dalam proses mendidik atau mendisiplinkan pelajar. Menurut Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (seperti yang dinyatakan dalam Nurul Zahida Anuar et al., 2022) menyatakan hukuman rotan tidak asing dalam masyarakat Malaysia pada hari ini.

Hukuman rotan menurut perspektif agama Islam

Agama Islam telah diletakkan sebagai agama rasmi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan (Mohd Afiq Shafirin Abd Aziz, 2023). Menurut Hamdani et al. (2021), hukuman dalam Islam bertujuan untuk mencegah manusia dan menahan manusia daripada melakukan perbuatan jenayah, memelihara masyarakat daripada kebinasaan, dan membersihkan manusia daripada dosa. Asasnya, hukuman rotan merupakan salah satu daripada hukuman yang berbentuk hukuman fizikal. Hukuman fizikal menurut perspektif agama Islam disebut secara jelas di dalam al-Quran dan al-Hadis. Dalam al-Quran, antara ayat yang menyentuh aspek hukuman fizikal ialah surah al-Nisa pada ayat yang ke-34 di mana Allah SWT berfirman:

وَالَّتِي تُخَافُونَ نُنَاصِرُكُمْ وَاتَّخِذُوا فِي الْمَضَاجِعِ وَاضِعِينَ

Maksudnya: Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan nusyuz hendaklah kamu nasihatilah mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaulkanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya).

(al-Qur'an, al-Nisa', 4:34)

Dalam ayat ini, terdapat frasa yang menyebut “pukullah mereka”. Walaupun konteks ayat ini merujuk kepada hal ehwal perkahwinan, namun kajian ini mengambil faedah daripada keumuman lafaz yang berhubung dengan hukuman fizikal di mana frasa yang menyebut *wadribuuhunna* (وَاضْرِبُوهُنَّ) yang membawa maksud; “dan pukullah mereka” menjadi perbincangan utama dalam bahagian ini. Menurut Tafsir Ibnu Jarir al-Thabari yang dikenali dengan nama *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, Ibnu Jarir al-Thabari mengemukakan pandangan Ibnu Abbas yang menyatakan pukulan kepada isteri itu menggunakan *siwak* (kayu sugi) atau sesuatu yang sama dengannya (Fachrurrozy Hatzly, 2024).

Berdasarkan ayat ini juga jelas menunjukkan bahawa pukulan itu hanya dibenarkan setelah berlakunya proses pengasingan, teguran dan nasihat. Faedah yang boleh diambil daripada kenyataan ini ialah hukuman fizikal merupakan pilihan terakhir dalam konteks mendidik di mana langkah awal yang perlu dilakukan ialah memberi nasihat, membimbing dan memberi teguran terhadap kesalahan dengan cara yang berhemah. Sekiranya langkah-langkah ini tidak berkesan, maka hukuman fizikal seperti memukul boleh dilakukan dengan syarat tidak mendatangkan kecederaan fizikal dan tidak melampaui batas (Fachrurrozy Hatzly, 2024).

Rasulullah SAW turut memperuntukkan hukuman fizikal dalam hadis yang sahih sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya: Perintahkanlah kepada anak-anak kamu untuk mengerjakan solat semasa mereka berumur tujuh tahun. Dan pukullah mereka untuk sekiranya mereka solat ketika mereka berumur sepuluh tahun dan asingkanlah mereka daripada tempat tidur kamu.

(Abu Dawud, no: 495 & Ahmad, no: 6650)

Berdasarkan huraian hadis ini, menurut Zuhaili (2008) sebagaimana yang dipetik oleh Hisny Fajrussalam et al. (2023) menyatakan hukuman fizikal yang bertujuan mendidik dibenarkan dalam Islam. Dalam hadis ini menunjukkan ibu bapa dibenarkan untuk memukul anaknya apabila anak itu enggan mendirikan solat. Hukuman ini merupakan jalan akhir setelah diberikan didikan dan teguran agar anak insaf dan taat pada peraturan agama.

Malah, Ahmad Ruslan Afendi et al. (2022) turut menyatakan hukuman dalam hadis ini sebahagian daripada proses pendidikan kerana pengalaman yang diperolehi daripada hukuman ini dapat dijadikan sebagai pelajaran di mana anak tersebut memahami bahawa perbuatannya adalah suatu kesalahan. Tujuan memukul dalam hadis ini ialah untuk mendidik dan bukan untuk menyakiti atau mencederakan anak. Ibu bapa turut dilarang mencederakan anak di bahagian yang sensitif seperti kepala, wajah dan dada.

Selain itu, menurut Mufti Negeri Sembilan, Mohd Murtadza Hj. Ahmad (Nadiyah Hashim et al., 2022) hukuman rotan itu tidak dilaksanakan kepada anak yang sudah berusia sepuluh tahun dan tidak mendirikan solat semata-mata, namun dikiaskan juga solat dalam hadis ini ialah ibadah-ibadah lain seperti zakat, puasa dan haji. Kenyataan ini menunjukkan hukuman

fizikal seperti rotan diperakui oleh tokoh tempatan iaitu Mufti Negeri Sembilan berdasarkan hadis tersebut.

Dalam konteks pendidikan, hukuman rotan yang dibenarkan hendaklah dalam rangka mendidik dan hukuman ini merupakan pilihan terakhir. Malah, kesalahan pertama yang dilakukan oleh anak tidak wajar dijatuhkan hukuman rotan. Setiap kesalahan itu perlu diberi penjelasan, kemudian penekanan kepada tindakan atau tingkah laku yang betul perlu dijelaskan. Peluang untuk memperbaiki kesalahan juga wajar diberi sebelum hukuman rotan dilaksanakan (Siti Amalina et al., 2021).

Dasar-dasar kerajaan Malaysia berkaitan hukuman rotan di sekolah

Menurut Nur 'Izzati dan Mohd Al Adib Samuri (2020), KPM telah menetapkan undang-undang pada tahun 2012 dengan mengeluarkan garis panduan serta tindakan yang dikenakan terhadap pelajar dengan melihat kepada Tatacara Disiplin Murid Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 seperti yang termaktub di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid yang dikeluarkan oleh KPM di mana dalam Peraturan 6 dinyatakan dengan jelas bahawa:

Guru Besar sesebuah sekolah boleh dari semasa ke semasa, tertakluk kepada apa-apa syarat dan hal yang difikirkannya patut mewakili kuasa disiplin sekolah dan kuasa menjalankan hukum kepada guru-guru lain di sekolah itu atau kepada murid-murid yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu, tetapi kecuali yang disebut di atas tidak seorang pun guru atau murid boleh menjalankan kuasa itu melainkan dengan arahan tertentu. (p. 59)

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan berharap kuasa yang diberikan itu digunakan oleh pihak sekolah dengan mematuhi Peraturan 5 di bawah ordinan yang sama:

- (1) Bagi maksud menjaga disiplin di kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat: Dengan syarat bahawa:
 - (a) hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang; dan
 - (b) hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan di tapak tangan atau pun di punggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah difahamkan hanya oleh Guru Besar ataupun dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu.
- (2) Satu rekod mengandungi semua hukuman yang dijalankan di bawah perenggan hendaklah disimpan secara sulit mengikut bentuk yang diluluskan oleh pendaftar. (p. 68)

PERBINCANGAN

Kewajaran hukuman rotan menurut perspektif agama Islam

Agama Islam telah diletakkan sebagai agama rasmi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan (Mohd Afiq Shafirin Abd Aziz 2023). Justeru terdapat beberapa peruntukan yang diberikan oleh perlembagaan persekutuan berhubung agama Islam di Malaysia seperti hak orang Islam, undang-undang, pendidikan dan sebagainya. Dengan itu, menilai pandangan agama Islam terhadap hukuman rotan dalam konteks pendidikan adalah amat wajar kerana Islam merupakan agama rasmi di negara ini.

Islam merupakan agama rahmat, sempurna dan menyeluruh. Syariat Islam memberi panduan dan solusi kepada seluruh manusia dalam usaha mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan di akhirat. Konsep hukuman yang ditetapkan di dalamnya mempunyai objektif dan matlamat yang memberi kepentingan sejagat. Menurut Hamdani et al. (2021), hukuman dalam Islam bertujuan untuk mencegah manusia dan menahan manusia daripada melakukan perbuatan jenayah, memelihara masyarakat daripada kebinasaan, dan membersihkan manusia daripada dosa.

Hasil kajian YouGov sebagaimana yang dipetik oleh Nurul Zahida Anuar et al. (2022) menyokong pandangan bahawa hukuman korporal ialah budaya masyarakat Malaysia, terutamanya masyarakat Melayu, dalam usaha mendisiplinkan anak dengan cara tertentu, seperti pelaksanaan hukuman merotan. Hukuman korporal ini berkait rapat dengan kepercayaan tradisi dan agama, iaitu masyarakat membentuk akhlak dan peribadi anak berpandukan sumber al-Quran dan hadis.

Ibnu Jarir al-Thabari mengemukakan pandangan Ibnu Abbas yang menyatakan pukulan yang dimaksudkan ialah pukulan dengan menggunakan *siwak* (kayu sugi) atau sesuatu yang sama dengannya (Fachrurrozy Hatzly, 2024). Kenyataan ini turut disokong oleh Al-Zahedy (seperti yang dinyatakan dalam Siti Amalina et al., 2021), di mana sarjana Islam menafsirkan pukulan dalam ayat ke-34 dalam surah al-Nisa bermaksud pukulan menggunakan kayu siwak, tapak tangan, dan tapak tangan yang direnggangkan.

Ibnu Kathir membawa pandangan Imam Hasan al-Basri dalam bukunya *Tafsir al-Quran al-Azhim* yang menyatakan pukulan tersebut ialah pukulan yang tidak meninggalkan kesan atau bekas. Sebahagian sarjana Islam menyebut pukulan yang dimaksudkan ialah pukulan yang tidak menyebabkan anggota tubuh badan patah meninggalkan kesan (Ghoffar, M. A., 2003). Berdasarkan dapatan ini, al-Quran dan al-Hadis yang merupakan sumber primer dalam agama Islam membenarkan hukuman fizikal dilakukan dengan syarat dan kaedah yang telah dinyatakan oleh sarjana Islam yang muktabar. Hukuman yang dimaksudkan hanya sebatas kayu sugi, tapak tangan dan tidak mendatangkan sebarang kecederaan kepada individu yang dihukum. Dalam konteks pendidikan di sekolah, hukuman fizikal sinonim dengan hukuman rotan. Perkara ini berdasarkan kepada tafsiran terhadap hadis Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan oleh Nadiyah Hashim et al. (2022) di samping tidak mencederakan di bahagian yang sensitif seperti kepala, wajah dan dada (Ahmad Ruslan Afendi et al., 2022).

Kewajaran hukuman rotan menurut undang-undang kerajaan Malaysia

Kerajaan Malaysia konsisten menolak apa-apa tindakan yang mengandungi unsur penderaan dan pengabaian hak kanak-kanak. Buktinya, menurut Md. Zahidul Islam (seperti yang dinyatakan dalam Nadiyah Hashim, 2022), Malaysia turut menyertai Konvensyen hak-hak Kanak-kanak (CRC) pada tahun 1995. Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) dan rang Undang-Undang Kanak-Kanak pindaan 2015 adalah undang-undang utama yang melindungi kanak-kanak di negara ini. Dalam masa yang sama, tiada undang-undang menolak hukuman rotan secara mutlak, khususnya dalam konteks pendidikan.

Walaupun pada Januari 2015, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mencadangkan tindakan merotan atau memukul anak oleh ibu bapa perlu diharamkan kerana negara Malaysia sudah menandatangani perjanjian dengan *Convention Right of The Child* (CRC). Namun, banyak pihak yang terdiri daripada pihak kerajaan dan rakyat Malaysia itu sendiri yang menentang cadangan tersebut (Aizathul Hani Abd Hamid et al., 2018).

Buktinya, tiada sebarang pemansuhan terhadap SPI BIL. 7/2003 yang dikeluarkan oleh KPM kepada semua sekolah. SPI ini menjelaskan punca kuasa berhubung hukuman rotan di sekolah dan kaedah pelaksanaannya. Berdasarkan perkara ini, jelas menunjukkan hukuman rotan dalam konteks pendidikan adalah sah di sisi undang-undang.

Garis panduan pelaksanaan hukuman rotan di sekolah

Menurut Siti Amalina et al. (2021), terdapat garis panduan berdasarkan peruntukan undang-undang berkenaan pelaksanaan hukuman fizikal seperti hukuman rotan dalam konteks pendidikan. Pihak KPM turut menekankan hukuman bagi masalah disiplin pelajar hendaklah dilaksanakan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 7/1995 dan SPI BIL. 7/2003 yang menyatakan penambahbaikan pelaksanaan hukuman rotan di sekolah. Secara ringkasnya garis panduan pelaksanaan hukuman rotan adalah seperti berikut:

1. Hukuman rotan hanya dilaksanakan oleh Pengetua atau Guru Besar atau mana-mana guru yang diwakilkan oleh pentadbir sekolah.
2. Pelajar perempuan tidak dikenakan hukuman rotan.
3. Pelajar lelaki yang melanggar peraturan sekolah boleh dikenakan hukuman rotan.
4. Menggunakan rotan yang ringan dan merotan tapak tangan pelajar atau punggung yang berlapik.
5. Hukuman rotan yang dilaksanakan perlu direkod dan dinyatakan perinciannya.
6. Hukuman rotan tidak dilaksanakan dalam keadaan marah, sebaliknya sebahagian daripada proses mendidik.
7. Hukuman rotan tidak boleh dilaksanakan di hadapan khalayak ramai sama ada di perhimpunan atau di dalam kelas di mana Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang sedang berlangsung.

Berdasarkan dapatan ini, hukuman rotan secara umumnya dibenarkan di dalam agama Islam dan undang-undang kerajaan Malaysia. Dalam konteks pendidikan, hukuman fizikal yang menggunakan rotan hendaklah dilaksanakan berdasarkan panduan yang telah ditentukan oleh KPM. Setiap pentadbir dan guru di sekolah perlu mematuhi SPI BIL. 7/2003 dalam pelaksanaan hukuman rotan di sekolah.

Kepentingan hukuman rotan dalam konteks pendidikan

Menurut Durkhiem dalam kajiannya seperti yang dipetik oleh Nurul Zahida Anuar et al. (2022) menyatakan setiap sekolah meletakkan beberapa peraturan disiplin. Pelajar pula dididik dan dibimbing untuk mematuhi peraturan tersebut supaya dapat membentuk disiplin diri yang baik dan dapat mengawal pelajar daripada melakukan perkara yang dilarang. Beliau menambah lagi bahawa peraturan sekolah harus dikuatkuasakan dengan tegas, iaitu mengamalkan beberapa jenis hukuman bagi pelajar yang melanggar peraturan sekolah. Beliau percaya bahawa pelajar yang melanggar peraturan perlu dihukum supaya pelajar tersebut belajar daripada kesilapan yang dilakukan, seterusnya membentuk disiplin diri. Tambahan pula, sekolah ialah platform penting yang menjadi ejen sosial untuk memupuk nilai sosial ke dalam minda pelajar demi membentuk masyarakat dan generasi moden.

Pernyataan ini menunjukkan bahawa hukuma rotan di sekolah memberi beberapa manfaat dan faedah kepada pelajar sekaligus memberi kesan kepada generasi akan datang. Perkara ini sangat mustahak kerana masalah disiplin di sekolah perlu dijaga untuk melahirkan pelajar yang berdisiplin. Menurut Wan Nurhafa Wan Salam dan Abdul Mutalib Embong (2024) hukuman rotan perlu dikembalikan kerana ia merupakan cara yang efektif untuk membentuk disiplin pelajar ekoran banyak kes dan masalah moral berlaku seperti buli, merokok, melawan guru, vandalisme dan lain-lain. Perkara ini kerana hukuman rotan memberikan beberapa implikasi positif dalam proses mendidik dan mendisiplinkan pelajar di sekolah atau anak-anak di rumah.

Dalam kajian Gershoff seperti yang dipetik oleh Aizathul Hani Abd Hamid et al. (2018) hukuman rotan akan memberi kesan positif di mana anak atau pelajar menurut perintah dengan segera. Dapatan ini menjelaskan hukuman rotan dapat membantu mereka yang sukar mematuhi arahan yang diberikan. Secara tidak langsung, hukuman rotan boleh menjadi mekanisme yang mencegah pelajar daripada melakukan sesuatu yang dianggap melanggar peraturan atau arahan semasa.

Aizathul Hani Abd Hamid et al. (2018) memetik kajian daripada Maldonado (2012) yang menyatakan bahawa masyarakat di Jamaica percaya bahawa hukuman fizikal boleh dijadikan sebagai cara untuk mengatasi masalah kedegilan anak. Dalam konteks pendidikan, hukuman fizikal yang diberikan perlu diberi penerangan agar pelajar yang dihukum mengetahui serta memahami kesalahan mereka. Perkara ini amat penting dalam proses mendidik kerana setiap kesalahan perlu diperbetulkan melalui hukuman yang setimpal dan diberikan penjelasan kepada pelajar yang dihukum. Tujuannya adalah sebagai motivasi agar pelajar membentuk karakter yang baik.

Tidak dinafikan bahawa hukuman rotan boleh memberi implikasi buruk kepada pelajar seperti mewujudkan sikap anti-sosial, membentuk jiwa yang memberontak, agresif dan

sebagainya (Aizathul Hani Abd Hamid et al. 2018). Oleh itu, perlu ditekankan bahawa pelaksanaan hukuman rotan wajib mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Hukuman rotan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya tanpa sebab dan alasan yang munasabah. Warga pendidik perlu kembali kepada SPI BIL.7/2003 agar memahami kaedah pelaksanaannya.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menjelaskan kewajaran hukuman rotan dalam konteks pendidikan, terutamanya dalam kalangan pelajar, pendidik, ibu bapa dan masyarakat. Amalan hukuman rotan bukanlah suatu norma, sebaliknya ia merupakan pilihan terakhir setelah langkah-langkah mendidik tidak berkesan. Justeru, al-Quran dan al-Sunnah memberi peruntukan hukuman rotan dengan syarat dan kaedahnya serta dilaksanakan dengan tujuan mendidik tanpa unsur mendera dan mencederakan. Kerajaan Malaysia melalui KPM telah memperuntukkan kuasa kepada golongan pendidik di sekolah untuk melaksanakan hukuman rotan dengan mengikut peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan dalam SPI.

Rumusannya, hukuman rotan dalam konteks pendidikan adalah wajar menurut perspektif agama Islam dan undang-undang berdasarkan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak KPM. Semua pihak perlu menyokong usaha ini di samping mematuhi peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak KPM berhubung pelaksanaan hukuman rotan di sekolah agar tidak memberi implikasi dan imej buruk kepada agama Islam, warga pendidik, sekolah, KPM dan negara.

RUJUKAN

- Abdullah Muhammad Basmeih. 1987. *Tafsir pimpinan Al-Rahman* (8th ed.). Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Ruslan Afendi, Ana Sulton Mutmainah, Amalia Muchsinun & Muhammad Ramdani. 2022. Tinjauan hadits: Mendidik anak dalam perspektif Islam dengan memukul. *Raudhatul Athfal: Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, 6(2): 82-105.
- Aizathul Hani Abd Hamid, Mohamad Hafis Amat Simin & Khairul Anuar Kamri. 2018. Implikasi hukuman fizikal terhadap anak dalam masyarakat Melayu Johor, Malaysia. *Jurnal Ilmu Sosial*, 1(2): 131-142.
- Fachrurrozy Hatzly. 2024. Penafsiran waḍribūhunna dalam QS: al-Nisa ayat 34 serta kaitannya dengan pembinaan keluarga. (Publication No: 200303086) Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Al-Raniry.
- Ghoffar, M. A. 2003. *Tafsir Ibnu Katsir*. t.tp.: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Hamdani, Muhamad Helmi Md Said & Zinatul Ashiqin Zainol. 2021. Kesan Hukuman Sebat terhadap Pesalah Jenayah Syariah di Aceh. *Islāmiyyāt*, 43(Isu Khas): 79-92
- Hisny Fajrussalam, Lena Putri Tejakusuma, Liana Lestari & Nadya Afriati Mumtaz. 2023. Kekerasan pada anak dalam sudut pandang hukum Islam. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 9(16): 449-456.

- Marinu Waruwu. 2024. Pendekatan penelitian kualitatif: Konsep, prosedur, kelebihan dan peran di bidang pendidikan. *Jurnal Penelitian dan Evaluasi Pendidikan*, 5(2): 198-211.
- Mohd Afiq Shafirin Abd Aziz. 2023. Hak keistimewaan Melayu-Islam di Malaysia: Satu analisis dari perspektif perlembagaan persekutuan. *Asian People Journal*, 6(1): 82-92.
- Mohd Rafi Mohd Sanusi & Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2021. Konsep hukuman sebat menurut hukum syarak dan undang-undang negeri Johor. *INSLA e-Proceedings*, 4(1): 42-56.
- Muhammad Rizal Aziz. 2023. Konsep pendidikan karakter perspektif Albert Bandura: Studi analisis dan implikasi terhadap karakter Islami siswa di era digital. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Nadiyah Hashim, Jamalia Aurani & Noraini Ismail. 2022. Pukulan mendidik dalam Islam bagi membentuk konsistensi solat anak-anak. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 9(1): 83-94.
- Nur 'Izzati Ahmad Fisol & Mohd Al Adib Samuri. 2020. Perundangan berkaitan pendisiplinan pelajar tahfiz di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1): 54-71.
- Nurul Zahida Anuar, Nur Diyana Kamal & Shahrul Mizan Ismail. 2022. Human korporal menurut perspektif Jurispruden. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 34(2): 185-200.
- Siti Amalina Ahmad Khairundin, Mumtazah Narowi, Noor Fadhzana Mohd Noor & Hafiza Ab Hamid. 2021. Aplikasi sunnah terhadap garis panduan hukuman rotan di Kementerian Pendidikan Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, 6(1): 10-21.
- Wan Nurhafa Wan Salam & Abdul Mutalib Embong. (2024, Ogos 3). Masalah disiplin pelajar: Kembalikan kuasa autokratik kepada sekolah. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kolumnis-masalah-disiplin-pelajar-kembalikan-kuasa-autokratik-kepada-sekolah-481871>